

Kerajaan pertimbang beri elaun kepada pelatih Kor SISPA tahun depan

Oleh [Alias Abd Rani](#) - Ogos 18, 2024 @ 3:59pm
bhnews@bh.com.my



Ahmad Zahid memeriksa perbarisan pada Majlis Tamat Perbarisan Kor SISPA Peringkat Kebangsaan Kali Ke-15, di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), hari ini. - Foto NSTP/Alias Abd Rani

BATU PAHAT: Kerajaan sedang mempertimbangkan pemberian elaun latihan kepada pelatih Kor Siswa/Siswi Angkatan Pertahanan Awam (SISPA) bermula tahun depan sebagai usaha menarik minat pelajar menyertai pasukan sukarelawan itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata Jabatan Perdana Menteri (JPM) diminta memperhalusi cadangan itu bagi meringankan beban kewangan pelatih Kor SISPA.

Beliau berkata, terdapat tiga sukarelawan di universiti iaitu Askar Wataniah, Jabatan Sukarelawan (RELA) dan Kor SISPA, namun hanya Kor SISPA yang tidak diberikan elaun.

"Saya dimaklumkan pelatih terpaksa mengeluarkan duit sendiri untuk membeli uniform dan ini pastinya menyusahkan ibu bapa terutama yang kurang berkemampuan.

"Askar Wataniah dan RELA sudah diberikan elaun termasuk pembelian uniform kerana kokurikulum di institusi pengajian tinggi (IPT) meletakkan bahawa pasukan sukarelawan di universiti ini terdiri daripada tiga," katanya selepas merasmikan Majlis Tamat Perbarisan Kor SISPA Peringkat Kebangsaan Kali Ke-15, di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), hari ini.

Pada majlis itu, seramai 827 pelatih terdiri 769 berpangkat leftenant muda dan 58 staf muda diraikan dengan penuh istiadat dan protokol sebagai penamat latihan sebagai pegawai kadet SISPA.

Secara kumulatifnya, seramai 8,764 mahasiswa berjaya menamatkan modul kokurikulum Kos SISPA yang ditauliahkan sebagai pasukan APM.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Wilayah dan Desa berkata, beliau percaya Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan akan melakukan penyelarasan dengan memberikan jumlah elaun yang sama dengan pasukan sukarelawan lain di universiti sebagai satu syarat memenuhi kokurikulum kepada siswa dan sisiwi di IPT dan IPTS.